

UMPSA digesa tingkat kolaborasi dengan rakan industri

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) perlu meningkatkan kolaborasi strategik dengan pelbagai rakan industri dalam usaha mengukuhkan kedudukan penerafannya sebagai sebuah universiti unggul di negeri itu.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang juga Canselor UMPSA bertitah, dengan jalinan kerjasama yang dilakukan secara berterusan itu dapat memperkasakan bukan sahaja dalam bidang akademik dan penyelidikan, tetapi juga kebolehpasaran graduan.

Titah baginda, kolaborasi tersebut digalakkan bukan sahaja dilakukan dalam kalangan rakan industri dan universiti lain din dalam negara, malahan melibatkan institusi di luar negara.

"Penyelidikan dalam pembangunan mampan dan teknologi

hijau juga perlu diperkayakan selaras dengan matlamat pembangunan mampan 2030.

"Begitu juga dengan penyelidikan dalam bidang baharu seperti teknologi robotik dan teknologi tinggi berasaskan kecerdasan buatan (AI) yang perlu menjadi keutamaan.

"Ia sejajar dengan keperluan industri negara pada hari ini," titahnya baginda pada Majlis Konvokesyen UMPSA ke-18 di Dewan Canselori UMPSA Gambang di sini semalam.

Pada majlis itu baginda turut menyempurnakan Istiadat pemasyhuran UMPSA dan pengurniaan warkah pemasyhuran Pro-Canselor UMPSA kepada Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam ibni Al-Sultan Abdullah.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Naib Canselor UMP-



AL-SULTAN ABDULLAH bertitah kepada graduan pada Majlis Konvokesyen UMPSA ke-18 di Kuantan semalam.

SA, Profesor Datuk Ts Dr. Yuserie Zainuddin.

Pada majlis konvokesyen itu,

seramai 4,584 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Dalam pada itu, Al-Sultan Abdullah bertitah, sebagai sebuah universiti yang berasaskan sains, teknologi dan kejuruteraan, UMPSA juga perlu memperkasakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional.

Titah baginda, ia penting bagi memenuhi permintaan tenaga kerja negara pada masa ini dan akan datang.

"Momentum kecemerlangan yang berterusan boleh membawa kepada sumbangan yang besar kepada sosio-ekonomi negara, sekali gus berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini pada masa depan.

"Dengan itu, universiti ini akan dikenali ramai sebagai sebuah gedung ilmu ternama dengan kualiti pendidikan yang tinggi.

"Ia juga bakal dikenali sebagai sebuah pusat ke arah membina kesejahteraan dan kemakmuran negara," titah baginda.